



**KRITERIA LAYAK DAN SESUAI BAGI ANGGOTA LEMBAGA  
KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD  
YANG DINAMAKAN OLEH SURUHANJAYA**

---

1. Seksyen 43 Akta Koperasi 1993 memperuntukkan:
  - (1) Tiada seorang pun layak dilantik menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga sesuatu koperasi jika dia telah-
    - (a) disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
    - (b) dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi.
  - (4) Dari tahun ketiga pendaftaran sesuatu koperasi, tiada seorang pun boleh dilantik sebagai anggota Lembaga koperasi itu melainkan jika dia telah menjadi anggota koperasi itu bagi tempoh minimum dua tahun.
2. Berdasarkan kepada fasal 38 UUK Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (CBP), kelayakan menjadi anggota Lembaga adalah:
  - (a) ketekunan, kewibawaan dan kewajaran keputusannya;
  - (b) reputasi perwatakan, integriti dan kejururannya; dan
  - (c) mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dalam salah satu bidang berikut:
    - (i) perakaunan;
    - (ii) perundangan;
    - (iii) pentadbiran perniagaan dan pemasaran;
    - (iv) perbankan; atau
    - (v) pengurusan pelaburan dan kewangan.

3. Anggota Lembaga co-opbank tidak dibenarkan memegang jawatan dalam lebih daripada sebuah co-opbank, walau bagaimanapun:

- (a) Pada sesuatu masa, anggota Lembaga koperasi/co-opbank dibenarkan memegang tidak lebih daripada **lima (5) jawatan** sebagai anggota Lembaga di koperasi/syarikat lain tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (i) koperasi asas, menengah atau atasan dalam sektor perkhidmatan kewangan yang mempunyai sinergi dengan koperasi tersebut;
  - (ii) koperasi dalam sektor yang lain; dan
  - (iii) syarikat/organisasi yang berasaskan keuntungan.

4. GP3: Garis Panduan Pelantikan atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi (Pindaan) 2012 telah menyenaraikan kriteria layak untuk pelantikan sebagai Lembaga Koperasi seperti berikut:

- (a) **Kejujuran, reputasi dan integriti peribadi** – seseorang hendaklah mempunyai keunggulan peribadi seperti kejujuran, integriti, ketekunan dan kewajaran keputusannya. Suruhanjaya akan mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
  - (i) sama ada dia sedang dikenakan prosiding atau dipertuduh di mahkamah, atau apa-apa penyiasatan yang menjurus kepada prosiding kesalahan, disiplin atau jenayah;
  - (ii) sama ada dia telah melanggar mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang dirangka untuk melindungi anggota atau orang awam daripada mengalami kerugian kewangan akibat tidak jujur, salah laku atau tidak kompeten;

- (iii) sama ada dia telah melanggar apa-apa kehendak dan piawaian badan kawal selia, badan profesional, kerajaan atau agensi-agensinya;
  - (iv) sama ada dia telah didakwa melakukan mana-mana **kesalahan** di bawah Jadual 1 dan 2, Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969 [Akta 7];
  - (v) sama ada dia adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan;
  - (vi) sama ada dia, atau mana-mana perniagaan di mana dia mempunyai kepentingan atau pengaruh yang signifikan, telah disiasat, dikenakan tindakan disiplin, digantung atau diberi amaran bertulis oleh badan kawal selia, badan profesional, mahkamah atau tribunal;
  - (vii) sama ada dia telah dipecat, diminta untuk meletak jawatan atau telah meletak jawatan disebabkan oleh masalah kejujuran dan integriti; dan
  - (viii) sama ada dia mempunyai kaitan (*associated*) dengan perihal pemilikan atau pengurusan dalam apa-apa syarikat, perkongsian atau perniagaan di mana lesen, keahlian atau pendaftaran entiti tersebut telah dibatalkan, ditarik balik atau ditamatkan.
- (b) **Keupayaan dan kompeten** – seseorang hendaklah mempunyai kemahiran sewajarnya, pengalaman, kebolehan dan komitmen untuk melaksanakan tanggungjawab. Suruhanjaya akan mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- (i) sama ada dia mempunyai kelayakan, kemahiran, pengalaman dan komitmen yang bersesuaian untuk menggalas tugas serta tanggungjawab sebagai ALK; dan
  - (ii) sama ada dia mempunyai kepakaran atau prestasi yang memuaskan pada masa terdahulu ketika menerajui atau mengendalikan sesuatu koperasi, atau mana-mana organisasi

- (c) **Integriti kewangan** – seseorang hendaklah mengurus tanggungan atau kedudukan kewangannya secara berhemat. Suruhanjaya akan mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- (i) mempunyai kemampuan untuk memenuhi tanggungan kewangan mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan;
  - (ii) akaun pembiayaan dengan institusi kewangan, koperasi atau penyedia khidmat kewangan lain disenggara dengan baik dan memuaskan serta tidak mempunyai apa-apa hutang tertunggak yang melebihi enam bulan; dan
  - (iii) tidak disabitkan dengan keberhutangan yang tidak dilunaskan.

5. Sebagai kelayakan tambahan, Lembaga yang dinamakan Suruhanjaya perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- (a) Berumur antara 45 hingga 65 tahun;
- (b) Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 10 tahun dalam sektor perbankan, kewangan, pengurusan pelaburan; dan
- (c) Mempunyai ijazah sama ada dalam bidang perakaunan, perbankan, kewangan, pengurusan pelaburan, pentadbiran perniagaan, pemasaran ataupun perundangan.